

# **SESI 1**

**MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA KE-8**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF  
BIN HASSAN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

*di*  
**DEWAN BESAR, UTeM**

---

*20-21 Oktober 2012*

Bismillahirrahmannirrahim

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Dan Yang Amat Berbahgia Toh Puan Datin Seri Utama Zurina Binti Kassim,

Pada pagi yang penuh berakah ini, saya mewakili seluruh warga universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir bagi menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-8 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Kami warga universiti sentiasa mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan keluarga terus dikurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan serta mengharapkan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dapat terus memimpin universiti serta Negeri Melaka yang tercinta ini ke arah kegemilangan.

Seterusnya, ingin saya memohon izin daripada Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Dr Johari Bin Mat, Pro Canselor UTeM dan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Zarina Binti Fazle Hussein

Yang Amat Berhormat Datuk Seri (Dr) Hj Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka dan

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hjh Asmah bt Abd Rahman

Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr) Hj Ahmad Zaidee bin Ladin, Pengurus Lembaga Pengarah UTeM dan Yang Berbahagia Datin Rusila bt Abdul Razak

Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Sidek Bin Hj. Hassan, Penerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan UTeM dan Puan Sri,

Yang Berbahagia Dr. Ir Edi Noersasongko, Penerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pendidikan Teknologi Maklumat UTeM dan isteri,

Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh, Penerima Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan UTeM

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, Naib Canselor-Naib Canselor, wakil-wakil dari Universiti Tempatan, wakil-wakil dari Industri, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Staf, Media, Para Ibu Bapa, Graduan dan hadirin yang dihormati sekalian.

## **KATA ALUAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama berhimpun pada pagi yang berbahagia ini bagi meraikan kejayaan para graduan di Majlis Konvokesyen Ke-8 Universiti Teknikal Malaysia Melaka tahun 2012.

Dengan hormatnya saya akan meliputi empat perkara: ucapan tahniah kepada graduan, memaklum status dan beberapa pencapaian UTeM, ringkasan perancangan masa depan UTeM dan harapan peribadi.

Pertama sekali saya mengucapkan setinggi tahniah kepada semua bekas mahasiswa mahasiswi Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang diraikan pada Majlis Konvokesyen ke-8 tahun ini, kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing sehingga layak kini digelar graduan. Berikan tepukan tahniah dan kesyukuran kepada graduan semua.

Selayaknya majlis ini merakamkan setinggi tahniah kepada para ibu bapa yang tercinta dan amat berjasa, kerana kejayaan para graduan hari

ini sebenarnya hasil doa restu dan susah payah kalian, mendidik dan membesarakan mereka serta menyediakan segala yang perlu dengan penuh kasih sayang dan keprihatinan. Kini, kita semua boleh berbangga atas kejayaan mereka dalam memiliki segulung ijazah yang bakal membantu mereka mencapai cita-cita yang lebih tinggi. Hari ini adalah detik yang membuktikan segala usaha, pengorbanan serta penat lelah yang dicurahkan oleh semua telah membawa hasil. Alhamdulillah.

Para Hadirin Sekalian,

Majlis Konvokesyen UTeM ke-8 pada 2012 kali ini yang akan berlangsung selama 2 hari, bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 1,862 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Mereka terdiri daripada 2 orang graduan ijazah Doktor Falsafah, 178 orang graduan Ijazah Sarjana 1,365 orang graduan di

peringkat Sarjana Muda dan 317 orang graduan Diploma. Untuk makluman hadirin sekalian, jumlah graduan yang telah dilahirkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka sejak penubuhannya, kini mencecah 10,620 orang graduan. Tahniah kepada semua warga UTeM di atas sumbangan melahirkan modal insan negara dengan begitu pesat sekali.

## **SALUTASI KHAS MENGIKUT FAKULTI (SESI 1)**

Pada sesi pertama ini, kita akan menyaksikan penganugerahan 3 anugerah Ijazah Doktor Kehormat, 2 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 178 orang graduan Ijazah Sarjana, 286 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan seramai 36 orang pelajar penerima Anugerah Hadiah Akademik.

Mudah-mudahan semua yang akan bergraduat hari ini berupaya mencurah khidmat bakti kepada yang lain, terus membangun diri, masyarakat, negara dan juga dunia yang kini amat memerlukan penjagaan dan pemuliharaan oleh manusia sejagat demi kelestarian masa depan.

## **STATUS SEMASA UTEM & PENCAPAIAN**

Hadirin yang dihormati sekalian

### **AKADEMIK**

Ingin saya memberi suatu jaminan di sini, bahawa UTeM sentiasa berusaha gigih untuk menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti. Setakat ini kesemua 26 program yang ditawarkan di UTeM telah mendapat akreditasi daripada Agensi

Kelayakan Malaysia/Lembaga Kejuruteraan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini termasuk 20 program kejuruteraan. Turut diperkenal 3 program sarjana baru terdiri dari Sarjana Sains komputer (Pengkomputeran Multimedia), Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Struktur) dan Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan).

Dalam jangka masa hanya 11 tahun jumlah enrolmen pelajar UTeM pada ketika ini mencecah 10,063 orang. Pecahannya adalah seramai 1,186 pelajar Diploma, 8,024 Sarjana Muda, 728 sarjana dan 180 peringkat kedoktoran (PhD). Pelajar antarabangsa pula berjumlah sekitar 400 orang terdiri daripada 27 negara asing. Pengambilan sesi yang terbaru adalah berjumlah sekitar 3,000 siswa-siswi. Trend peningkatan bilangan pelajar dijangkakan akan berterusan di samping peningkatan mutu dari

tahun ke tahun menandakan UTeM kini menjadi pilihan utama pelajar.

Peningkatan bilangan graduan pasca siswazah mencerminkan komitmen dan kemajuan universiti memperkasakan penyelidikan dan inovasi yang memberi tambah nilai dalam keilmuan dan kapasiti negara.

Dari aspek kebolehpasaran mengikut rekod tahun 2012, 72% graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan dalam jangka masa 6 bulan dari tarikh tamat pengajian.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) yang baru ditubuhkan mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan peningkatan kemasukan pelajar dari seramai 409 orang pelajar perintis di tahun 2011 kepada 580 orang bagi kemasukan kedua tahun 2012 baru-baru ini. UTeM merupakan universiti awam yang

terkehadapan dalam menterjemahkan agenda pendidikan negara mengarusperdanakan aliran kemahiran, vokasional dan teknikal di peringkat pengajian tinggi.

Sebagai laporan ringkas pencapaian UTeM, perkembangan positif yang berterusan dalam penyelidikan telah dapat dibuktikan melalui penerbitan dan penyertaan penyelidik UTeM ke pameran, pertandingan penyelidikan serta penganjuran seminar, persidangan dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kejayaan demi kejayaan telah dirangkul di pelbagai peringkat termasuklah memenangi **16** pingat di “23rd International, Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2012) dengan pecahan pingat 5 Emas, 8 Perak dan 3 Gangsa. Sementara itu, UTeM juga memenangi 20 pingat

pelbagai kategori di “Malaysia Technology Expo 2012 (MTE 2012).

UTeM akan menghantar 4 produk ke International Trade Fair Idea-Invention (IENA) di Jerman, dan 6 produk ke Seoul International Invention Fair (SIIF), Korea pada November untuk dipertandingkan.

Kejayaan UTeM dalam pertandingan penyelidikan seperti ini, menjadi penanda aras untuk mara ke peringkat global bagi membuktikan bahawa semua penyelidik UTeM tidak ketinggalan dalam menerajui perkembangan teknologi terkini.

Dalam rangka memperkasakan penyelidikan dan inovasi, hampir RM10 Juta telah diperuntukkan sebagai geran bagi menyokong 126 projek

jangka pendek dan 66 projek jangka panjang bagi tahun 2012. Sebagai hasilan pelaburan sebelum ini, UTeM telah berjaya menghasilkan produk yang dikomersialkan, di antara contoh terkini:

1. Produk *Pro-S*, merupakan produk penjimatan minyak kenderaan dibangunkan oleh penyelidik Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan sepakatan Syarikat AMR Interllysis.
2. Produk *Single Display Traffic Light* yang dibangunkan oleh penyelidik Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dengan sepakatan Syarikat Industronic Bhd.

#### JARINGAN - LUAR NEGARA

Bagi agenda pembangunan pelajar dan pengantarabangsaan, pada tahun 2012, seramai 78 siswa siswi menyertai program mobiliti yang

melibatkan 7 buah universiti di 2 buah negara iaitu Korea dan Indonesia. UTeM menerima 35 pelajar dari luar negara sementara seramai 43 pelajar UTeM yang keluar Malaysia.

Jaringan antarabangsa merupakan elemen strategik untuk pembangunan sinergik. Secara kumulatif, UTeM telah memeterai 22 MoU dan 5 MoA dengan universiti di luar negara termasuk Indonesia, Jerman, Korea, Jepun, Perancis, United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Sudan dan Australia. Terbaru UTeM telah menandatangani Persefahaman dengan Lancaster University (UK), KUMOH National Institut of Technology (Korea), Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara serta MTUN bersama Institute of Technology Ireland (IOTI).

Hubungan yang dilaksanakan ini telah dapat mewujudkan suatu kerjasama di antara kedua pihak dalam usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan pasangan universiti dengan mod menang-menang, termasuk pertukaran staf & pelajar, pertukaran & perkongsian bahan-bahan saintifik, kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, penawaran program-bersama dan latihan strategik untuk mengemaskini perkembangan teknologi.

Semua ini amat penting untuk UTeM terus dinamik dan terkehadapan di dalam menyediakan pendidikan yang relevan, berkualiti dan menyumbang dengan impak yang tinggi dalam melahirkan modal insan yang dihormati.

## **PENCAPAIAN INOVASI, KEUSAHAWANAN, KELESTARIAN & INDUSTRI**

Pembudayaan inovasi dan keusahawanan juga menjadi agenda utama di UTeM. Cadangan penubuhan UTeM Blue Dot, satu Pusat Inovasi Kreatif telah dimajukan dan mendapat sokongan KPT, merupakan satu inisiatif perkongsian pintar melalui jaringan pendidikan yang melibatkan pihak industri dengan universiti, politeknik, kolej vokasional, sekolah terpilih, kolej komuniti serta masyarakat setempat dalam mendedah luas budaya inovasi dan kreativiti secara terancang.

Inisiatif terkini Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib iaitu Peluang Perniagaan Inovasi (IBO) menawarkan komuniti perniagaan dan pelabur memilih produk inovasi di IPT dan Institusi Penyelidikan Malaysia. Syarikat Tembusu Resources telah memilih Coconut Body Amour ciptaan Profesor. Md Dan dari Fakulti Pembuatan, UTeM dengan nilai pelaburan

RM12juta. Ini merupakan batu tanda yang amat bermakna untuk merangsang penyelidik UTeM. Berita tentang ini telah diterbitkan di banyak surat khabar bertarikh 17 Oktober beberapa hari lalu.

UTeM juga telah melepassi saringan dan terpilih sebagai finalis pertandingan untuk *MOHE Entrepreneurial Award (MEA) 2012*, yang menilai kewujudan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan dan pendidikan keusahawanan di IPT. Ini juga satu pencapaian yang hebat memandangkan usia UTeM yang masih muda.

Rekabentuk kereta Elektrik UTeM yang dikenali sebagai Ev Car Evergreen juga telah mempamerkan prestasi terpuji di dalam Pertandingan Proton Green Mobility Challenge di Sepang International Circuit baru-baru ini. Kereta UTeM telah mencatat kelajuan yang paling tinggi

dalam pertandingan iaitu 126km/ jam dan juga meraih hadiah kategori R & D dan website mempromosi inisiatif teknologi hijau yang terbaik. dan meraih tempat ketiga pada keseluruhannya. Satu pencapaian yang amat disyukuri.

Hubungan bersama rakan strategik industri, UTeM berjaya menubuhkan iCOE (Industry Centre of Excellent) bersama syarikat Jerman, Infenion. UTeM juga telah berjaya melaksanakan Program PhD Industri dengan seramai 15 pelajar sedang mengikuti Program tersebut di 12 buah industri. Program ini membantu industri menyelesaikan masalah industri dan manfaat kepada pencapaian inovasi syarikat yang terlibat.

Satu lagi berita gembira pencapaian terpuji UTeM ialah di dalam penilaian peringkat

kebangsaan bagi portal dan lama web agensi kerajaan Malaysia 2012, UTeM telah berjaya mendapat 5 bintang dan ditangga kedua dalam agensi di bawah KPT dan ke 10 bagi kategori seluruh agensi kerajaan. Syabas sekali lagi.

## **PEMBANGUNAN INFRA**

UTeM bertuah kerana dikurniakan dengan kampus yang cantik di negeri Melaka ini. Kemudahan sukan, masjid, pusat pelajar, Kafe, bangunan pentadbiran dan fakulti, perpustakaan dan dewan besar, tersergam indah berkonsepkan teknologi dan warisan. Inisiatif untuk melengkapkan prasarana yang kondusif sentiasa diutamakan. Dari awal lagi, UTeM telah menyediakan kolej kediaman bagi sekitar 60% siswa siswi di tahun pengajian satu dan dua tetapi lokasinya di luar kampus berserta perkhidmatan bas membawa siswa siswi ke kuliah. Alhamdulillah, mulai September tahun ini,

sebuah Kolej Kediaman Lestari baru telah siap dan kini diduduki seramai 1,020 siswa dan siswi. Ini telah menghidupkan suasana kampus melepas waktu kuliah. Kemudahan yang disertakan merangkumi arked pelajar, dewan serba guna, gelanggang futsal dan padang permainan bola sepak. Perkhidmatan Internet secara kabel juga disediakan bagi memudah cara pembelajaran era digital semasa.

Pada masa yang sama proses untuk pembangunan kediaman pelajar kapasiti 5,000 sedang berlangsung dan telah diluluskan peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ini akan meningkatkan lagi keselesaan bagi siswa siswi menuntut ilmu di UTeM. InsyaAllah.

## **PERANCANGAN STRATEGIK UTeM**

Izinkan saya menghabarkan dengan ringkas tentang perancangan masa depan UTeM. UTeM mempunyai visi untuk menjadi sebuah Universiti Teknikal yang kreatif, Inovatif dan terkemuka di dunia. Sehubungan itu, agenda perubahan ke arah kecemerlangan dikongsi oleh semua warga UTeM dengan mengambil inovasi dan kreativiti sebagai pemacu kegemilangan pembangunan yang lestari. Untuk memperoleh impak yang ketara ajakan proses transformasi yang terancang, berfokuskan strategi yang jelas, sentiasa dihuraikan untuk penghayatan. Sasaran utama adalah bagi mencipta keunggulan Universiti Teknikal secara realistik. Jadi tema tahun 2012 bagi semua warga kerja UTeM mengajak “Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan”. Selaras dengan tuntutan untuk sentiasa terkehadapan, *tagline* baru diwarwarkan yang berbunyi “Sentiasa Merintis, Sentiasa

Menerajui”, istilah Inggerisnya “Always a Pioneer, Always Ahead”. Ini bertujuan memotivasiikan semua warga UTeM untuk sentiasa merintis perubahan baru dan membudaya kecemerlangan untuk selalu berada di hadapan.

UTeM telah melancarkan Pelan Strategik 2012-2020 sebagai usaha mendukung misi baru bagi “Menerajui Sumbangan Kesejahteraan Negara dan Dunia” dengan memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan kesarjanaan teknikal inovatif, membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional serta menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

Empat tema strategik utama digubal untuk membawa UTeM ke mercu kegemilangan hingga 2020:

1. Memecut kecemerlangan pendidikan teknikal hingga menjadi juara menawarkan pendidikan teknikal yang disegani diperangkatkan antarabangsa.
2. Merintis dan mendahului teknologi masa depan dengan menghasilkan ilmu-ilmu yang strategik dan inovatif melalui penyelidikan.
3. Melahirkan pemimpin teknokewsahtawan yang profesional, beretika dan berakhhlak mulia
4. Melonjakkan potensi komuniti melalui pusat rujukan komuniti bagi kesejahteraan “well being”.

Sejajar dengan itu, UTeM telah setuju sama untuk semua warganya memegang 5 nilai teras yang dikongsi sama (shared values) iaitu:

1. Tekad untuk mencipta perubahan berimpak tinggi melalui sifat kreatif & inovatif
2. Cekal membawa erti komited, tahan lasak dan tidak berputus asa
3. Integriti yang tinggi, sentiasa bersifat amanah, telus dan boleh dipercayai
4. Kesetiaan, taat, semangat bersatu, kekeluargaan, hormat menghormati, DAN
5. Profesionalisme mengutamakan kerja berkualiti dan berpasukan

Senarai nilai-nilai tersebut amat wajar juga dipunyai oleh semua graduan yang pasti akan melayakkan diri untuk dihormati dan diperlukan oleh majikan.

## **PESANAN DAN HARAPAN**

Hadirin dan para graduan yang dikasihi,  
Sebelum mengundur diri, pesanan saya kepada  
para graduan yang menerima ijazah hari ini sama  
ada yang telah bekerja atau yang sedang  
mencari pekerjaan.

Saya berharap agar anda akan terus menuntut  
ilmu secara berterusan sepanjang hayat.  
Gunakanlah ilmu kini dan akan datang sebagai  
sumber kekuatan. Ia tidak terhenti dengan  
memperoleh ijazah pada hari ini. Kembangkan  
potensi diri dengan asas-asas yang dibekalkan di  
UTeM. Andalah harapan generasi masa depan,  
agen perubahan dan pemimpin masyarakat dan  
negara.

Jika tidak keberatan, jadilah duta UTeM,  
menyemarakkan nama Universiti Teknikal

Malaysia Melaka dengan melakukan yang terbaik dan memperlihatkan kualiti diri yang unggul. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk sentiasa berusaha menjaga dan menaikkan imej dan nama baik UTeM.

Walaupun pengajian di UTeM telah berakhir, seharusnya hubungan para graduan dengan universiti masih terjalin erat. Anda masih mempunyai peluang untuk membantu membangun dan menyemarakkan dunia pendidikan di UTeM melalui penglibatan dalam Alumni UTeM. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam bidang penyelidikan dan sebagainya sangat dialu-alukan oleh universiti.

## **Harapan ibu bapa kepada graduan**

Saya amat berharap agar para graduan tidak melupakan jasa dan pengorbanan ibu bapa serta sumbangan pensyarah-pensyarah sekalian. Jadikanlah kejayaan pada hari ini sebagai langkah permulaan yang positif ke arah membentuk peluang kerjaya yang lebih baik mencipta kejayaan dan kegemilangan seterusnya. Selamat maju jaya diucapkan, saya dan seluruh warga universiti berdoa agar para graduan semua sentiasa harmonis dan cemerlang di dalam kerjaya dan hidup seluruhnya di dunia dan akhirat insyaAllah.

## **Penghargaan kepada staf**

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pensyarah, pentadbir dan staf UTeM kerana jasa bakti anda telah menyumbang kepada kejayaan

graduan yang menerima ijazah pada hari ini. Semoga sumbangan anda semua akan berterusan dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Saya akhiri ucapan saya dengan tiga rangkap pantun:

*Bukan mudah untuk berjaya,  
Perlu pengorbanan jiwa raga  
Selamat menempuh alam kerjaya  
Berbakti berjasa kepada ibu bapa*

*Pohon berangan tempat bertemu,  
Girangnya rasa si anak dara,  
Baliklah tuan membawa ilmu,  
Binalah bangsa bangunkan negara*

*Tidak goyah pancang seribu  
Tika masih badai menderu  
Cukup ayah, cukuplah ibu  
Kini anakmu siap sedia membantu*

Sekian,Wabillahi taufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.